









[General](#)

UMPSA bangunkan Pelan Strategik 2026-2030 (UMPSA30)

11 March 2025

KUANTAN, 7 Mac 2025 – Pusat Pengurusan Strategik dan Kualiti (PPSK), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) telah mengadakan satu siri bengkel bagi membangunkan Pelan Strategik UMPSA 2026-2030 (UMPSA30) di Grand Darulmakmur Hotel.

Bengkel dua hari itu diadakan bertujuan untuk merangka hala tuju strategik universiti bagi tempoh lima tahun akan datang.

Naib Canselor UMPSA, Profesor Dr. Yatimah Alias berharap agar pembangunan pelan strategik dibuat secara holistik dengan mengambil kira hasrat semua warga UMPSA.



"Sebagai langkah ke hadapan peluasan kerjasama strategik akan disinergikan dengan baik bagi memastikan manfaat dapat dirasai oleh komuniti dan kumpulan sasar," ujarnya.

Manakala menurut Pengarah Kanan, PPSK, Profesor Madya Ts. Dr. Herma Dina Setiabudi, Pelan Strategik UMPSA 2026-2030 (UMPSA30) merupakan dokumen utama yang akan memandu perjalanan universiti dalam menghadapi cabaran globalisasi semasa.

"Dengan matlamat bagi memastikan universiti sentiasa relevan dan berdaya saing, bengkel ini juga diadakan untuk menyediakan rangka kerja yang menyeluruh, praktikal dan berfokus pada keutamaan strategik yang perlu dicapai.

"Pembangunan pelan strategik ini bukan hanya menjadi tanggungjawab pihak pengurusan universiti, tetapi merupakan usaha bersama seluruh warga UMPSA untuk memastikan setiap langkah yang diambil bertepatan dengan tujuan penubuhannya serta menyokong matlamat besar universiti.

"Malah, ia juga untuk mengenal pasti keutamaan strategik UMPSA sebagai salah sebuah universiti di bawah Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia (MTUN) yang berteraskan latar belakang teknikal (UA Model 2)," katanya,

Di samping itu juga, bengkel yang diterajui oleh Profesor Dr. Yatimah Alias itu dilaksanakan bagi meningkatkan kefahaman dan penglibatan semua warga UMPSA dalam pembentukan Pelan Strategik UMPSA30, sekali gus memastikan setiap inisiatif yang dilaksanakan mendapat sokongan penuh daripada semua ketua jabatan.

Pada tahun 2024, sebanyak enam siri libat urus telah dijalankan yang melibatkan pihak industri, wakil Kementerian Pendidikan Tinggi dan agensi berkaitan, mahasiswa, alumni, wakil kelab/persatuan dan badan kebajikan staf UMPSA, pemegang jawatan giliran dan ketua-ketua jabatan.

Bengkel itu turut membincangkan mengenai enam kluster utama iaitu TVET Termaju Pilihan Utama, Teknologi untuk Masyarakat, Kelestarian Kewangan, Kecemerlangan Bakat, Mahasiswa Pilihan Komuniti dan Kecemerlangan Ekosistem universiti.

Kesemua kluster itu akan memberikan sumbangan yang signifikan dalam merangka pelan strategik yang komprehensif di bawah kerangka Pelan Strategik UMPSA 2026-2030 (UMPSA30).

Turut hadir pihak Pengurusan Universiti, Penolong-penolong Naib Canselor, Dekan Fakulti, Dekan Pusat Pengajian, Pengarah dan Pengurus UMPSA.

Disediakan Oleh: Rosidah Hassan, Pusat Pengurusan Strategik dan Kualiti (PPSK)

TAGS / KEYWORDS

[Pelan Strategik 2026-2030](#)

- 219 views

[View PDF](#)